

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	3 APRIL 2015

Dana Bumiputera Al-Ansar dilancar

BH-3/4/2015



Najib bersalaman dengan Abdul Azeez sambil diperhatikan Jamil Khir dan Ismee (dua dari kiri) selepas **merasmikan Dana Bumiputera Al-Ansar** di Bilik Taklimat Parlimen, Kuala Lumpur, semalam.

(FOTO AIZUDDIN SAAD/BH)

» Tabung Haji tawar khidmat pinjaman, kredit kepada syarikat PKS Muslim

Oleh Mohd Azrone Sarabatin dan Haika Khazi
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Lembaga Tabung Haji (TH) semalam melancarkan Dana Bumiputera Al-Ansar bernilai RM200 juta bagi menyediakan kemudahan pinjaman dan kredit sehingga RM1 juta kepada syarikat perusahaan kecil dan sederhana

(PKS) milik Bumiputera Muslim terpilih.

Datuk Seri Najib Razak berkata, pelancaran dana patuh syariah pertama di Malaysia itu adalah antara usaha terbaharu TH untuk membantu usahawan Bumiputera Muslim meningkatkan daya saing dan mengembangkan perniagaan masing-masing.

Perdana Menteri berkata, pembiayaan bagi dana itu diberikan keutamaan kepada 11 sektor iaitu makanan halal, minyak dan gas, pendidikan, kesihatan, pertanian dan asatani, pembinaan, pengangkutan, sokongan telekomunikasi dan utiliti serta pemborongan dan peruncitan serta hospitaliti.

Katanya, dana berkenaan menawarkan kemudahan pembiayaan kredit bernilai

antara RM50,000 hingga RM1 juta yang akan disalurkan oleh Bank Islam sebagai agen pengurusan dana.

Saranan untuk GLC lain

“Langkah TH ini adalah amat baik sekali. Saya mahu sampaikan setinggi tahniah dan ia diyakini mampu memberi im-

“

Saya berharap langkah ini dapat melahirkan lebih ramai usahawan Bumiputera Muslim”

Najib Razak,
Perdana Menteri

pak yang besar (kepada masyarakat Bumiputera).

“Saya harap GLC (syarikat berkaitan kerajaan) lain boleh ikut cara seperti ini. Diharap ia boleh beri manfaat besar kepada masyarakat khususnya Bumiputera,” katanya ketika berucap pada majlis perasmian dana itu di Bilik Taklimat Parlimen, di sini.

Yang turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom; Pengerusi TH, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim dan Pengarah Urusan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TH, Tan Sri Ismee Ismail.

Perdana Menteri berkata, pelaksanaan dana berkenaan adalah pertama seumpamanya di bawah Pelaburan Terhad pertama di Malaysia diluluskan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

“Saya berharap langkah ini dapat melahirkan lebih ramai usahawan Bumiputera Muslim, selain memastikan usahawan sedia ada dapat dipertingkatkan keupayaan dan sumbangannya dalam membantu merencanakan pertumbuhan ekonomi negara,” katanya.

Terjemah agenda nasional
Terdahulu Perdana Menteri berkata, agenda memperkasa Bumiputera yang menjadi sebahagian agenda nasional kerajaan perlu diterjemah dalam pelbagai bentuk tindakan dan program.

Beliau menjelaskan, ia bagi membolehkan keberhasilan terhadap matlamat utamanya, iaitu mempertingkatkan dan merencanakan keupayaan ekonomi Bumiputera dapat dicapai dengan jayanya.

Kerajaan kini kata Najib, sudah melaksana beberapa langkah bagi menyokong agenda itu antaranya melaksana program pembangunan modal insan menerusi Pusat Peraknaan di Universiti Teknologi MARA (UiTM), bertujuan melahirkan akauntan Bumiputera serta melantik kontraktor Bumiputera dalam projek berskala besar seperti pembinaan Lebuhraya Pan Borneo dan Mass Rapid Transit (MRT).